

# Cinta pada musim pandemik COVID-19

Pada tahun 1985, pengarang pemenang Hadiah Nobel, Gabriel Garcia Marquez, menerbitkan novel berjudul *Love in the Time of Cholera*. Ia menceritakan kisah yang berwarna-warni tentang bagaimana kehidupan masih boleh menjadi generatif walaupun terdapat wabak.

Nah apa yang melanda dunia kita sekarang bukan kolera tetapi coronavirus, Covid 19. Seumur hidup saya, saya tidak pernah menemui atau mengalami perkara yang menjejaskan seluruh dunia secara radikal kerana virus ini.

Seluruh negara telah ditutup, hampir semua sekolah dan kolej telah ditutup, pelajar terpaksa tinggal di rumah dan mereka belajar dalam talian, kita tidak digalakkan keluar dari rumah mahupun mengajak atau mengundang orang lain datang ke rumah dan kita juga diminta untuk tidak menyentuh antara satu sama lain dan digalakkan mengamalkan "menjaga jarak sosial."

Masa biasa, normal yang kita biasa jalani telah terhenti. Kita berada dalam musim yang tidak ada generasi terdahulu di mana pandemik selesema pada tahun 1918, mungkin pandemik yang terakhir. Lebih-lebih lagi, kita tidak dapat menjangka situasi ini akan berakhir dengan segera atau tidak.

Tidak seorangpun, baik pemimpin kerajaan mahupun doktor kita, mempunyai strategi untuk keluar dari krisis ini. Tiada

siapa yang tahu bila ini akan berakhir atau bagaimana. Oleh itu, seperti penghuni dalam Bahtera Nuh, kita terkurung di dalam bahtera dan tidak tahu bila air banjir akan surut dan bila kita akan kembali ke kehidupan normal kita.

Bagaimana kita harus hidup dalam masa yang luar biasa ini? Nah, saya pernah mempunyai tutorial peribadi mengenai ini sembilan tahun yang lalu. Pada musim panas 2011, saya didiagnosis dengan kanser kolon, menjalani pembedahan untuk reseksi, dan kemudian menjalani kimoterapi selama dua puluh empat minggu.

Menghadapi ketidakpastian tentang kemoterapi yang akan dilakukan kepada tubuh saya, saya sangat takut. Lebih-lebih lagi, dua puluh empat minggu pada asasnya setengah tahun dan memikirkan tempoh panjang tersebut, saya akan menjalani musim "tidak normal" dalam kehidupan saya, ini menjadikan saya kurang sabar dan tidak selesa. Saya mahukan ini berlalu dan berakhir dengan cepat. Oleh itu, saya menghadapinya seperti pengalaman saya menghadapi pelbagai halangan dan cabaran, dengan tegas dan berulang kali mengatakan, "Saya akan dapat melalui ini! Saya akan bertahan!"

Saya juga berazam dan menyempatkan buku penting, yang sebenarnya sebuah jurnal, jurnal yang saya anggap luar biasa kerana ia mencatat apa yang saya



akan lakukan setiap hari dan siapa dan apa yang memasuki hidup saya pada hari tertentu. Nah, ketika saya dengan tabah memulakan sesi kemoterapi pertama saya, saya mula mencatat hari-hari saya dalam jurnal saya: Hari pertama dan hari berikutnya: Hari kedua. Saya telah melakukan matematik dan mengetahui bahawa ia akan mengambil masa 168 hari untuk melalui 12 sesi kemo, dua minggu sekali. Saya terus melakukan ini untuk tujuh puluh hari atau lebih, saya meneruskan kehidupan dan bernafas seperti biasa, segala-galanya berjalan dengan lancar sehinggalah pada akhirnya saya menulis, Hari ke-168.

Kemudian pada suatu hari, kira-kira separuh jalan sebelum minggu dua puluh empat, saya mengalami kebangkitan. Saya tidak tahu apa yang khusus mencetuskannya, mungkin rahmat dari atas, sentuhan persahabatan dari seseorang, rasa matahari di tubuh

saya, rasa nikmat minum minuman yang sejuk, mungkin juga disebabkan oleh semua perkara ini, tetapi saya telah mengalami kebangkitan, bangun dari sebuah lena yang panjang! Saya terjaga dengan hakikat bahawa saya sedang membuatkan hidup saya terhenti, bahawa saya tidak benar-benar 'hidup' sebaliknya bertahan setiap hari dan melakukannya begitu sahaja sehinggalah pada akhirnya tiba ke 168 hari di mana saya dapat hidup bebas kembali. Saya menyedari bahawa saya telah membuang masa hidup saya.

Lebih-lebih lagi, saya telah menyedari bahawa saya sedang mengharungi satu siri kehidupan yang amat bermakna meskipun kesan kemoterapi dalam hidup saya. Kesedaran itu tetap menjadi salah satu rahmat istimewa dalam hidup saya. Semangat saya terangkat secara radikal walaupun kemoterapi telah melakukan beberapa perkara kejam terhadap tubuh saya.

Saya mula mengalu-alukan setiap hari kerana kesegarannya, kekayaannya, untuk apa yang dibawa ke dalam hidup saya. Saya melihat semula sekarang dan melihat tiga bulan terakhir (sebelum hari 168) sebagai salah satu musim terkaya dalam hidup saya.

Pada masa itulah saya telah menjalin beberapa sahabat seumur hidup, saya belajar akan beberapa pelajaran yang lama teranting iaitu bersyukur dan menghargai, tidak mengambil

kesempatan di atas kehidupan, kesihatan, persahabatan dan pekerjaan yang telah diberikan.

Itu adalah satu kegembiraan yang istimewa untuk kembali ke kehidupan biasa selepas 168 hari yang sebenarnya merupakan "sabatikal"; tetapi hari-hari "sabatikal" itu juga istimewa, walaupun dalam cara yang sangat berbeza.

Coronavirus telah meletakkan kita semua, pada dasarnya, pada sabatikal yang tegas dan ia tertakluk kepada mereka bagaimana mereka menjalaninya menurut kemoterapi masing-masing. Dan bahayanya adalah kita akan menghentikan atau menanggukkan hidup kita dalam melalui masa yang luar biasa ini di mana kita hanya bertahan dan kurang menghayati rahmat di sebaliknya pada musim yang tidak dijangka atau tidak rela dihadapi ini.

Ya, akan ada kekecewaan dan kesakitan dalam hidup ini, tetapi itu tidak dapat dibandingkan dengan kegembiraan.

Paul Tournier, selepas kehilangan isterinya, telah melalui dukacita mendalam tetapi kemudian menyatukan kesedihan itu kepada kehidupan baru dengan cara yang membolehkannya menulis: "Saya benar-benar boleh mengatakan bahawa saya mempunyai kesedihan yang besar dan saya adalah seorang lelaki yang gembira." Ini adalah kata-kata yang harus kita renungi dalam kita berjuang dengan coronavirus ini. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2020 @ Fr Ron Rolheiser*

## Bersorak-sorailah, Rajamu datang kepadamu

Saya menyangka, pada tahun ini, Hari Minggu Palma akan berlangsung seperti tahun-tahun yang lalu. Di mana saya akan sibuk dengan persiapan liturgi dan umat Paroki pula sibuk mengambil daun palma atau menghias gereja dengan daun-daun itu.

Pada tahun ini, tidak ada perarakan apatah lagi peluang mendapatkan daun palma untuk diberkati. Semua umat diminta untuk berada di rumah meskipun perayaan Hari Minggu Palma adalah antara perayaan terpenting dalam kalendar liturgi gereja.

Ini adalah kerana pandemik coronavirus, dan untuk memutuskan rantaian itu, kita harus berada di rumah, menonton Misa secara langsung melalui Internet, malah pengakuan peribadi pada musim Pra-Paskah juga ditiadakan.

Tetapi ini bukanlah menandakan perayaan Minggu Palma tidak bererti pada tahun ini! Tidak. Malah ia memberi kita kesempatan untuk menghayati peristiwa dua ribu tahun dahulu, ketika Yesus masuk ke Yerusalem, di mana Dia dielu-elukan, disambut meriah daun Palma yang kita bawa pulang dan disisipkan pada pintu dan tempat-tempat tertentu sebenarnya menyedarkan



kita bahawa kita sanggup berjalan bersama Yesus, bukan hanya dalam masa puncak kejayaan seperti orang-orang yang bergembira ketika Yesus memasuki Kota Yerusalem bersorak-sorak, "Hosana! Terpujilah kerajaan Bapa Daud yang kini tiba. Terpujilah yang Mahatinggi," tetapi juga pada masa-masa menderita dan sengsara seperti orang-orang dalam Injil tadi yang berteriak mendesak supaya Dia disalibkan.

Petrus dan para murid yang lain mengambil kesempatan untuk turut serta mendapatkan pujian daripada orang ramai ketika Yesus memasuki Kota Yerusalem.

Tetapi apakah mereka yang turut dipuji dan disanjung tinggi ini masih bersama Yesus pada hari Jumaat Agung apabila Yesus diadili dari satu mahkamah ke mahkamah

yang lain? Tidak ada! Kecuali Yohanes, murid-murid yang pengecut itu semuanya lari menyelamatkan diri dan meninggalkan Yesus seorang diri.

Petrus yang pernah mengungkapkan janji kesetiannya sampai mati untuk mengikuti Yesus, sewaktu malam perjamuan terakhir dengan Yesus, sanggup berbohong di hadapan seorang perempuan bahawa dia tidak mengenali Yesus hanya kerana gara-gara mahu menyelamatkan dirinya daripada ditangkap.

Sebenarnya di dalam diri kita masing-masing terdapat sikap Petrus dan murid-murid dalam Injil tadi. Bahawa apabila semuanya dalam keadaan baik, kita setia pada Tuhan. Tapi apabila keadaan tidak baik, ada potensi bagi kita untuk tidak ingat pada Tuhan.

Memang mudah bersyukur pada

Tuhan apabila sihat, dikelilingi oleh orang-orang yang prihatin dan mengasihi kita. Tetapi sukar bagi kita mengasihi Tuhan apabila kita terpaksa berkorban seperti dalam cerita tadi.

Kembali pada kisah Yesus memasuki Yerusalem tadi, terdapat satu versi lain yang nampaknya seperti rekaan belaka tapi mempunyai pesan yang unik bagi kita pada hari ini.

Ketika Yesus memasuki Kota Yerusalem dengan penuh kemegahan, Dia menunggang seekor keldai untuk menunaikan nubuat Nabi Zakhariah 9:9 "... bersorak-sorailah, hai Yerusalem! Lihat rajamu datang kepadamu... menunggangi seekor keledai."

Ketika orang-orang Yahudi melambai-lambaikan daun palma sambil berteriak, "Hosana... terpujilah Raja yang datang," sang keldai

perasan bahawa dia yang dipuji. Dia terus mengangguk-anggukkan kepalanya kerana dipuji dan lupa tuan yang ada di atas belakangnya itulah yang sebenarnya yang mempunyai pujian.

Apakah kita tidak seperti sang keldai tersebut? Apabila kita mempunyai bakat, kemahiran dan pelbagai kejayaan belum termasuk jawatan, pangkat dan gelaran, sikap sombong mulai memasuki kepala otak kita.

Kita menyangka segala-galanya itu adalah hasil usaha dan titik peluh kita sendiri dan melupakan Tuhan yang adalah sumber berkat atas segala apa yang kita miliki di dunia ini.

Kalau memang begitu terjadi di dalam diri kita masing-masing, maka betullah semangat keldai tersebut sudah merasuki diri kita. — *santapan rohani*

### HARI MINGGU PALMA

YESAYA 50:4-7;

FILIPPI 2:6-11;

INJIL MATIUS 26:14—27:66